

## Wawancara Eksklusif

# YBHG. DATUK PROF. EMERITUS DR. KAMARUDIN HUSSIN

## PENGERUSI LPU UniMAP / PENGASAS KUKUM

Oleh : Mohd Khairul Effendi Che Wan

**1** Sebagai permulaan wawancara ini bolehkah YBhg. Datuk menceritakan serba sedikit perjalanan karier YBhg. Datuk dalam bidang Pendidikan?

### Jawapan:

Saya memulakan kerjaya dalam bidang pendidikan pada tahun 1980 apabila saya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Elektrokimia dan dilantik menjadi pensyarah di Pusat Pengajian Kimia, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Dalam tempoh bermula dari 1982 dan berakhir pada 1985, saya dilantik sebagai Pengerusi Rancangan Kimia di Pusat Matrikulasi, USM.

Pada tahun 1986, saya ditugaskan di Pusat Pengajian Industri yang menawarkan bidang teknologi. Apabila USM telah diberi mandat untuk membangunkan bidang kejuruteraan iaitu di Perak, saya telah di lantik untuk menjadi Pengerusi Perpindahan untuk membawa peralatan program yang dinaik taraf ke bidang kejuruteraan. Ketika itu kami ditempatkan di kampus sementara di Ipoh, Perak.

Disitulah bermulanya kerjaya saya sebagai pensyarah dan Penggawa Kolej. Apabila Kampus Tetap USM di Tronoh, Perak siap pada tahun 1990, saya sekali lagi dilantik menjadi Pengerusi Perpindahan.

Alhamdulillah, selepas sekian lama tertangguh, pada tahun 1991 sehingga 1993, saya melengkapkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Kejuruteraan Bahan (Metalurgi

Pengekstrakan) dalam program kerjasama antara USM dengan Kalgoorlie School of Mines, Australia.

Sebaik selesai pengajian peringkat Ph.D, saya dilantik menjadi Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral dan pada tahun 1996 hingga Mei 2001 dilantik pula sebagai Dekan di pusat pengajian tersebut.

Kemuncak kerjaya saya di USM terserlah apabila dilantik sebagai Pengarah, Kampus Kejuruteraan USM di Nibong Tebal, Pulau Pinang pada tahun 1997 hingga 2001.

Pada 15 Februari 2002, saya telah dilantik menjadi Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Membangunkan sebuah Kolej Universiti di Perlis pada ketika itu satu cabaran besar buat saya dan rakan-rakan berikutan kekurangan infrastruktur.

KUKUM beroperasi di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau dan menerima pelajar pertama seramai 119 orang 20 Jun 2002 dengan 2 program ditawarkan iaitu Mikroelektronik dan juga komputer.

Setelah 5 tahun bertapak di Perlis, pada 1 Februari 2007, KUKUM telah jenamakan semula kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP.

Selepas 17 tahun, UniMAP kini telah Berjaya meraih pelbagai kejayaan di peringkat negara dan antarabangsa. Kejayaan yang cukup bernakna terutama buat saya selaku Naib Canselor yang pertama UniMAP.

Saya melepaskan jawatan Naib Canselor pada tahun 2016 selepas mengemudi universiti selama 14 tahun sekaligus menjadi antara Naib Canselor yang paling lama berkhidmat di Malaysia.

Selepas menamatkan perkhidmatan selaku penjawat awam, saya telah dilantik oleh YB Menteri Pendidikan pada ketika itu Dato' Seri Idris Jusoh sebagai Penasihat Menteri.

Pada 1 Mac 2017 hingga 31 Julai 2018, saya telah dilantik oleh YB Menteri Pendidikan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan kini saya memegang jawatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi tempoh 3 tahun berkuatkuasa 1 Oktober 2018 sehingga 30 September 2021.

**2** YBhg Datuk di lantik sebagai Penasihat Menteri Pendidikan, pada ketika itu, bagaimana YBhg Datuk melihat UniMAP dan nasihat YBhg Datuk kepada kakitangan UniMAP untuk memantapkan hala tuju universiti?

### Jawapan:

Apabila saya bertugas sebagai Penasihat YB Menteri Pendidikan dan Pengerusi LPU UniSZA, saya merasakan banyak perubahan yang perlu diperbaiki oleh semua kakitangan demi untuk melonjakkan nama UniMAP.

Pada pandangan saya, kita perlu mengambil peluang dengan menguatkan lagi hubungan kerjasama dengan pelbagai universiti. Ia penting terutama kepada UniMAP yang masih dalam fasa membangun.





**MYUniMAP**  
Edisi XXXVII  
**WAWANCARA**  
**EKSLUSIF**

Selain itu, jaringan industri sangat penting kepada UniMAP. Walaupun kita mempunyai hubungan yang baik dengan industri, namun agak terhad terutama dengan agensi kerajaan.

UniMAP sangat bertuah kerana DYTM Tuanku Canselor selalu mendedahkan UniMAP kepada rakan-rakan industri dalam dan luar negara.

Dalam organisasi, kita patut mengelakkan sikap berpuak-puak di kalangan staf. Perkara tersebut saya rasa patut tidak terjadi kerana mampu merencanakan pembangunan sesebuah organisasi.

Seterusnya, kita kena bangunkan semula semangat kerja berkumpulan dan saling menghormati di antara kita. Pemahaman mengenai bidang tugas setiap PTJ juga sangat penting. Ada beberapa perkara lain yang perlu dipertingkatkan kita tidak boleh merasakan berada dalam keadaan zon selesa.

**3** Selepas dilantik menjadi Pengerusi LPU UniMAP, apakah fokus YBhg Datuk untuk memantapkan hala tuju UniMAP sebagai sebuah Institusi Pendidikan yang terkemuka bukan sahaja di Negeri Perlis dan negara tetapi hingga ke seantero dunia?

**Jawapan:**

Ibarat mimpi bagi saya apabila ditawarkan untuk menggalas tugas sebagai Pengerusi LPU UniMAP. Pada mulanya, saya agak terkejut sebenarnya berikutan tugas sebagai Pengerusi LPU ini amat berat kepada saya. Namun berbekalkan pengalaman sebagai Pengerusi LPU UniSZA, saya berikrar untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada UniMAP.

Tugas sebagai Pengerusi LPU ini amat menyeluruh terutama mengenai hala tuju dan saya melihat beberapa penambahbaikan boleh dilakukan bagi memacu universiti untuk lebih cemerlang.

Fokus saya untuk menjadikan UniMAP sebuah universiti terbaik di mata dunia. Justeru, kita perlu melihat semula kepada indikator yang telah ditetapkan oleh QS World Ranking University.

Aspek pengantarabangsa, penyelidikan serta penerbitan perlu diberi penekanan khusus oleh setiap warga UniMAP dalam usaha untuk meningkatkan kegemilangan UniMAP.

Saya juga mahukan agar setiap warga universiti berpatah balik kepada nilai teras UniMAP iaitu "Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan".

Saya juga akan menekankan kepada aspek pembangunan kebudayaan dan sukan di kalangan warga UniMAP. Kecemerlangan dalam semua bidang penting dan kita akan melihat potensi yang ada untuk digilap.

Bagi saya kejayaan sesebuah universiti itu tidak mampu di capai tanpa penyatuan warganya dan ini akan terjadi sekiranya warga UniMAP kurang jelas dengan matlamat yang ditetapkan oleh universiti.

**4** Apakah pesanan YBhg Datuk kepada warga UniMAP khususnya kepada mahasiswa yang juga merupakan modal insan dan aset penting kepada masa depan Negara?

**Jawapan:**

Pelajar merupakan aset penting bagi sesebuah universiti. Justeru, setiap warga UniMAP harus mengambil berat terhadap pelajar terutama dalam aspek kebajikan dan sebagainya. Sebab tanpa pelajar, kita tidak akan berada disini.

Baru-baru ini, YBhg. Naib Canselor juga telah memberikan mandat agar pelajar UniMAP diberikan kebebasan memberikan pandangan atau dan dibenarkan untuk menjadi pemerhati dalam Mesyuarat Jawatankuasa Senat.

Saya menyambut baik perkara tersebut kerana di UniMAP, kita mahu melahirkan graduan yang hebat dan terbaik dalam pemikiran serta kepimpinan.

Di masa depan, UniMAP akan lebih dikenali dengan program TVET dan kita akan menawarkan Ijazah dalam bidang teknologi.

Selain itu, saya juga mahu melihat Alumni-alumni UniMAP kembali menabur bakti kepada universiti.

Ramai alumni UniMAP yang berjaya menempatkan diri dalam industri dan saya menyeru agar mereka dapat membantu UniMAP dari segi idea dan memberi jaringan.

Kita sentiasa berusaha untuk melahirkan graduan yang diminati oleh industri dan mempunyai bakat istimewa. Itu lah harapan saya selaku Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP.

